

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PERLETAKAN BATU ASAS BANGUNAN IBU PEJABAT
RIDA, KUALA LUMPUR PADA 5 JUN, 1965

Pemangku Pengerusi RIDA, Yang Berhormat Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya sangat sukacita kerana dapat hadir ke majlis ini untuk menyempurnakan perletakan batu asas Bangunan Ibu Pejabat RIDA yang baharu. Kebetulanannya pada hari semalam kita telah meletakkan satu lagi batu asas iaitu batu asas bagi mengadakan satu rancangan dan dasar yang baharu untuk memperbaiki iktisad bumiputera di Malaysia ini. Pada pagi ini kita meletakkan batu asas bagi bangunan baharu untuk Lembaga atau Badan atau Majlis yang akan menjalankan rancangan dan dasar yang sedang dibincangkan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera itu.

Dalam meletakkan batu asas bangunan RIDA ini, sebenarnya Kerajaan meletakkan asas kepada satu bangunan yang baharu RIDA yang akan diubah corak, diubah rupa dan diubah rangkanya dan yang akan diberi nama yang baharu yang sesuai dengan tugas dan tanggungjawab yang baharu, iaitu hendak menjalankan rancangan-rancangan dan usaha-usaha untuk memperbaiki ekonomi bumiputera di seluruh Malaysia ini. Saya sendiri tidaklah suka hendak menentukan nama baharu badan ini dan saya berharap Kongres yang bersidang pada hari ini akan dapat menentukan nama yang sesuai bagi kehendak dan hasrat mereka itu sendiri. Oleh itu upacara pada hari ini adalah besar maknanya bukan sahaja kepada Lembaga yang mempunyai Ibu Pejabat ini bahkan besar maknanya kepada sejarah pembangunan negara kita. Upacara pada pagi ini bermakna iaitu sejarah RIDA yang telah bertugas selama 15 tahun untuk menolong rakyat-rakyat di luar bandar bagi memperbaiki iktisad mereka itu akan masuk kepada bab yang baharu dalam kehidupannya. Seperti saya katakan tadi, selain daripada diberi nama yang baharu, Lembaga ini akan diberi tugas yang lebih dinamik dan yang lebih progresif lagi dalam usaha kita untuk meninggikan ekonomi bumiputera di Malaysia.

Kemajuan dan kemakmuran negara kita adalah bergantung kepada dua aliran pembangunan, yang penting; satu ialah pembangunan dalam lapangan perusahaan tanah dan perusahaan tanaman, dan keduanya aliran mengadakan dan memajukan perusahaan-perusahaan kilang,

gedung-gedung dan sebagainya. Dua aliran kemajuan ini telah menjadi dasar dan tujuan yang penting di dalam rancangan kemajuan lima tahun Kerajaan Perikatan yang akan dilancarkan mulai daripada tahun hadapan.

Seperti tuan-tuan dan puan-puan telah maklum dalam rancangan pembangunan luar bandar Kerajaan Pusat, dalam lima tahun yang lalu Kerajaan telah berjaya mengadakan kemudahan-kemudahan ke kampung-kampung seperti jalanraya, sekolah-sekolah, tempat berubat, pasar-pasar dan sebagainya. Sekarang sampailah masanya kita meningkat ke satu tingkat lagi di dalam rancangan kemajuari kita iaitu hendaklah kita menumpukan sepenuh usaha dan tenaga bagi menolong rakyat membesar dan meluaskan mata pencarian mereka dan memberi mereka peluang-peluang yang lebih besar dalam lapangan iktisad dan perniagaan negara kita. Dengan sebab itu cadangan Kerajaan, Lembaga Baharu ini akan diberi tugas menolong rakyat bagi menjalankan perusahaan-perusahaan dalam lapangan iktisad dan perniagaan terutama sekali Lembaga ini akan memberi pertolongan melatih rakyat yang suka hendak mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan dan kemudahan daripada itu memberi mereka bantuan, modal, nasihat dan pertolongan supaya mereka itu dapat berdiri di atas kakinya sendiri. Kesimpulannya Lembaga ini akan memberi pertolongan yang baik dan yang difikirkan patut dan mustahak untuk membolehkan tiap-tiap seorang bumiputera itu mengambil bahagian yang sempurna dalam lapangan iktisad.

Akan tetapi saya suka terangkan bahawa dengan mengadakan Lembaga yang baharu yang dinamik dan mempunyai jentera yang lengkap untuk menjalankan tugasnya mustahaklah kita menukar juga fikiran, pandangan dan semangat kita dalam lapangan ekonomi dan perniagaan. Kerajaan dan Lembaga ini hanya dapat memberi pertolongan kepada rakyat dalam lapangan iktisad akan tetapi kejayaan tiap-tiap seorang di dalam lapangan ini adalah bergantung kepada diri mereka sendiri. Hendaklah mereka itu menggunakan pertolongan yang diberi oleh Lembaga dan Kerajaan dengan sepenuhnya. Ini bermakna kejayaan bumiputera dalam lapangan ekonomi ini adalah bergantung kepada dua pihak iaitu kepada Kerajaan dan kepada diri mereka sendiri. Jadi, mustahaklah dua-dua bahagian ini bekerjasama dengan rapatnya untuk menjamin kejayaan-kejayaan yang kita kehendaki itu. Seperti kata Y.T.M. Tunku Perdana Menteri pada masa membuka Persidangan Kongres semalam iaitu jika bumiputera hendak mendapat kejayaan dalam lapangan iktisad ini mustahaklah mereka mendapat kerjasama daripada orang-orang yang sekarang ini telah mendapat kejayaan dalam lapangan perniagaan. Jadi, untuk menggalakkan kerjasama di antara pihak Kerajaan dengan pihak Industrial

ataupun perusahaan, Kerajaan telah menubuhkan satu Lembaga bernama FEDERAL INDUSTRIAL DEVELOPMENT AUTHORITY. Saya berharap FIDA ini akan dapat bekerjasama dengan sepenuhnya dengan Lembaga Kemajuan Ekonomi Bumiputera yang baharu ini supaya kedua-dua Lembaga ini dapat bekerja, dapat mengadakan kerjasama yang rapat bukan sahaja bagi menubuhkan perusahaan-perusahaan yang sederhana dan perusahaan-perusahaan yang kecil juga kerana perusahaan-perusahaan ini bergantung di antara satu dengan lain.

Saya telah sebutkan tadi bahawa Lembaga RIDA ini akan diberi rupa, bentuk dan nama yang baharu. Kita selalu mendengar pakar-pakar ekonomi berkata jikalau kita berkehendakkan kemajuan dalam negeri kita ini, mustahak kita menggunakan kekayaan-kekayaan yang ada dalam negeri kita ini seperti bijeh, getah dan sebagainya dengan sepenuhnya. Akan tetapi pada fikiran saya kalau kita berkehendakkan kejayaan dalam lapangan ekonomi ini kekayaan dan kekuatan yang pertama sekali mesti digunakan ialah kekuatan tenaga rakyat yang ada pada kita. Dengan sebab itu langkah yang pertama yang akan diambil apabila menubuhkan Lembaga yang baharu ialah ahli-ahli Lembaga yang bertanggungjawab bagi menjalankan dasar-dasar Lembaga ialah daripada orang-orang yang faham, mempunyai pengalaman dalam hal ekonomi dan perniagaan dan orang-orang yang sebenarnya mempunyai semangat ingin kepada kemajuan dan semangat bersedia hendak bekerja dan berkorban kerana bangsa dan negara.

Lembaga ini akan mengadakan beberapa pejabat atau bahagian-bahagian untuk menjalankan tugas-tugasnya. Yang pertama ialah Bahagian Latihan, yang kedua Bahagian Modal atau Pinjaman Wang, yang ketiga Bahagian mengadakan Pertolongan, Nasihat atau 'contact' dalam bahasa Inggerisnya, dan yang keempat Bahagian Pentadbiran, yang kelima Bahagian Perusahaan, dan yang keenam Bahagian Pengangkutan untuk mengelolakan perusahaan-perusahaan pengangkutan yang ada sekarang ini, dan yang ketujuh akan diadakan satu Bahagian Research iaitu satu bahagian jentera untuk mengeluarkan fikiran-fikiran dan juga planning-planning yang dikehendaki dari satu masa ke satu masa dan bahagian ini juga akan bertanggungjawab bagi menyemak kemajuan-kemajuan yang kita capai dari satu masa ke satu masa supaya boleh menjamin kemajuan yang kita capai itu adalah tetap, tegas dan sempurna.

Selain daripada perkara yang penting dalam menjalankan rancangan-rancangan untuk memperbaiki ekonomi bumiputera ialah mustahak selain daripada Lembaga ini, Pejabat-pejabat Kerajaan, Kementerian-kementerian dan Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan kerjasama

yang rapat di antara satu dengan lain seperti yang mereka telah tunjukkan dalam menjalankan rancangan pembangunan luar bandar. Saya tegaskan di sini, Lembaga ini bertanggungjawab dalam lapangan ekonomi bumiputera tetapi Lembaga ini tidak hendak mengambil kuasa atau menjalankan tugas Pejabat-pejabat dan Kementerian-kementerian yang lain. Tiap-tiap Kementerian seperti Kementerian Perdagangan dan Pemsahaan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama serta Kerajaan-kerajaan Negeri ada tanggungjawabnya masing-masing dan mustahaklah Kementerian-kementerian dan Kerajaan Negeri itu meneruskan pekerjaan-pekerjaannya dan mengadakan kerjasama yang rapat dengan Lembaga ini. Kita tidak akan mendapat kejayaan dalam lapangan ekonomi bumiputera ini melainkan Lembaga ini, Kementerian-kementerian dan Pejabat-pejabat Kerajaan dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab atas hal ini dapat bekerjasama dengan satu tujuan, satu hati dengan menumpukan sepenuh usaha dan tenaga. Saya telah sebutkan Lembaga ini akan diberi rupa, nama dan tugas yang baharu dan akan diberi bentuk dan rangka yang baharu dan akan diberi nafas dan jiwa yang baharu, akan tetapi mustahaklah Kementerian-kementerian, Pejabat-pejabat dan Kerajaan-kerajaan Negeri mempunyai jiwa dan nafas yang baharu, juga jiwa dan semangat yang dikehendaki seperti yang sedang ditunjukkan oleh wakil-wakil dalam Persidangan Kongres.

Begitu juga pada hari semalam Dewan Rakyat telah meluluskan satu undang-undang bagi menubuhkan satu Lembaga Pasaran Barang keluaran tanaman-tanaman. Lembaga ini akan mempunyai tanggungjawab yang penuh dalam hal menjalankan pasaran-pasaran kepada barang-barang yang dikeluarkan oleh penduduk-penduduk luar bandar terutama sekali daripada bumiputera. Pasaran ialah satu lapangan yang penting untuk menolong rakyat di luar bandar iaitu bumiputera menambah dan meluaskan pendapatan mereka daripada usaha dan tenaga mereka sendiri.

Oleh itu dicadangkan Lembaga Pasaran ini akan bekerjasama dengan rapatnya dengan Lembaga Pembangunan Iktisad itu. Kesimpulannya, tuan-tuan dan puan-puan, dalam tiga hari ini iaitu hari semalam, hari ini dan hari besok, kita membuka lipatan sejarah yang baharu dalam lapangan pembangunan. Tuan-tuan dan puan-puan, ahli-ahli Kongres sekalian telah datang dari jauh dan dekat untuk menghamburkan buah fikiran dan pendapat masing-masing terhadap cara-cara hendak memperbaiki iktisad bumiputera. Pendapat dan pandangan-pandangan ini akan dapat menggambarkan kepada Kerajaan cita-cita dan hasrat rakyat bumiputera sekalian dalam lapangan iktisad ini, dan pandangan dan pendapat serta hasrat itu akan memberi panduan yang jelas kepada Kerajaan di atas cara-cara yang Kerajaan akan mengambil langkah

menolong dan memperbaiki ekonomi bumiputera. Begitu juga pada pagi ini kita telah mula menubuhkan bangunan untuk satu badan yang baharu yang akan mempunyai tanggungjawab penting dalam lapangan iktisad ini. Kerajaan berazam hendak mengambil apa juga langkah yang patut untuk memberi peluang yang lebih lanjut, lebih luas kepada bumiputera negeri ini. Saya sendiri faham untuk menjalankan kehendak-kehendak dan hasrat bumiputera dalam lapangan ekonomi, kita berkehendakkan usaha dan tenaga dan satu badan bukan sahaja progresif seperti yang dikatakan oleh ahli Kongres semalam, bahkan satu badan yang dinamik yang boleh sebenarnya menjalankan kehendak-kehendak dan hasrat bumiputera dengan sepenuhnya. Lembaga inilah yang hendak kita lahirkan hari ini dan Lembaga ini, saya harap Kongres sendiri akan memberi nama yang sesuai dengan kehendak dan hasrat bumiputera dan kerajaan akan memberi nyawa dan jiwa yang baharu, akan memberi tenaga yang penuh kepada Lembaga ini untuk menjalankan kehendak-kehendak dan hasrat bumiputera dalam usaha memperbaiki ekonomi mereka itu.

Bagi penutupnya, saya suka sebutkan cita-cita hendak mengambil bahagian dalam lapangan iktisad dan perniagaan ini bukanlah satu perkara yang pelik, susah ataupun luar biasa akan tetapi seperti perusahaan-perusahaan dan pekerjaan-perkerjaan yang lain perkara yang penting sekali dikehendaki ialah latihan yang sempurna, pengetahuan dan pengalaman supaya dapat bertanding dan berlawan dengan orang-orang yang telah pun mengambil bahagian dalam lapangan ini. Tanggungjawab Kerajaan saya sebutkan ialah terang dan nyata iaitu Kerajaan akan memberi sepenuh-penuh peluang sama ada latihan dan juga pertolongan-pertolongan lain dengan harapan dan kepercayaan bumiputera sekalian akan menggunakan peluang ini dengan sepenuhnya. Saya sendiri yakin dan percaya dengan kerjasama yang penuh daripada Kerajaan dan daripada bumiputera sendiri dan dengan semangat dan jiwa yang baharu daripada kedua-dua pihak, kehendak dan hasrat rakyat dalam lapangan ekonomi ini dengan izin Tuhan akan dapat dihasilkan.

Sekianlah sahaja, dengan ini saya sukacita mengisytiharkan perletakan batu asas bagi bangunan Lembaga ini dan saya berdoa kepada Tuhan mudah-mudahan bangunan ini akan memberi nikmat-nikmat dan faedah-faedah yang dikehendaki oleh semua golongan.